

 PENANG

1- 15 Ogos, 2023

PENANG  
2030



# BULETIN MUTIARA

PERCUMA



[www.buletinmutiara.com](http://www.buletinmutiara.com)



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

## Tuah teduh

# Pusat Transit Gelandangan

**S**EBOLEH-BOLEHNYA Tandas Awam Kampung Kolam dari semasa ke semasa mesti dilihat bersih dan indah kerana fasiliti di bawah seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tersebut berada dalam kawasan tumpuan pengunjung tempatan serta pengembara antarabangsa yang melawat tempat-tempat pelancongan terkenal di sekitar Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Demikian kata **NAZRI ISMAIL**, 53, sambil melahirkan rasa syukur kerana diberi peluang bekerja sebagai kakitangan kontrak pembersihan di tandas awam tersebut di sini.

"Pernah kerja kargo sebelum ini, tetapi sebab nak jaga isteri yang sakit kanser, akhirnya saya berhenti kerja.

"Saya diminta keluar dari rumah di Balik Pulau selepas isteri saya meninggal dunia, saya terpaksa jadi gelandangan di bandar raya (George Town) ini untuk meneruskan hidup," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** ketika ditemui pada 19 Jun lalu.

Apabila mendapat tahu Pusat Transit Gelandangan (PTG) dekat Jalan C. Y. Choy mula beroperasi pada September 2023, Nazri menyatakan bahawa beliau



**PUSAT TRANSIT GELANDANGAN** yang terletak di Jalan C.Y. Choy telah mewujudkan banyak sistem sokongan bagi meningkatkan kualiti hidup golongan terjejas.

mengambil keputusan untuk 'berteduh' di sana.

Kira-kira enam bulan juga 'berteduh' di PTG, Nazri memberitahu bahawa beliau diminta berpindah ke fasiliti tempat tinggal sementara, Anjung Singgah di bawah seliaan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dekat Lebuh Chulia, apabila ditawarkan kerja sebagai pegawai keselamatan.

"Selepas saya ditawarkan kerja pembersihan Tandas Awam Kampung Kolam di sini, baru saya menyewa bilik dekat Lebuh Macallum.

"Walaupun tidak lagi menjadi gelandangan, saya tidak pernah lupa Pusat Transit Gelandangan yang menjadi tempat saya makan minum, berteduh dan tidur," ujarnya.

Serasi dengan Nazri, **ONG HENG LEE**, 45, berkata bahawa beliau pernah

bekerja sebagai pemandu pelancong antarabangsa di Wilayah Guangdong dekat selatan negara Republik Rakyat China.

"Pandemik COVID-19 mendesak saya untuk pulang ke Malaysia pada Mac 2020, terpaksa jadi gelandangan di Kuala Lumpur, kemudian ke Pulau Pinang apabila tidak mampu lagi membayar sewa.

"Saya suka Pusat Transit Gelandangan sebab fasiliti yang bersih dan selesa serta makan minum cukup."

"Macam-macam peluang saya dapat selama tinggal di Pusat Transit Gelandangan yang mana pernah saya jadi penghantar makanan apabila menerima sumbangan motosikal daripada sebuah NGO (pertubuhan bukan kerajaan)."

(Sambungan di muka 2).



**LIM Siew Khim** (kiri sekali) dan **Rozita Ibrahim** (tengah) menyantuni bekas pelanggan yang juga sukarelawan di Pusat Transit Gelandangan ketika ditemui baru-baru ini.

(Sambungan dari muka 1).

# Sistem sokongan tingkat kualiti hidup



**NAZRI Ismail.**



**WONG Kok Wei.**



**NAZATULWANIS Mohd. Khorish.**



**ONG Heng Lee.**

"Sekarang saya tidak lagi tinggal di Pusat Transit Gelandangan dan mampu menyewa bilik sendiri, apabila diberi peluang bekerja dengan Shopee sebagai Penyelaras Bungkusan Daerah Taiping-Kamunting (Perak)," kongsinya.

**WONG KOK WEI**, 55, turut berkongsi kisah kegembiraannya apabila ditawarkan bekerja sebagai pengawal keselamatan serta mampu menyewa bilik di Batu Lancang.

"Bagi saya, 70 peratus usaha untuk keluar dari kelompok gelandangan mesti datang dari dalam diri sendiri (sementara) 30 peratus itu adalah sistem sokongan dalam bentuk kemudahan seperti Pusat Transit Gelandangan.

"Terima kasih kepada YB Lim Siew Khim (Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam) yang telah membantu saya mendapatkan pekerjaan ini.

"Walaupun saya bukan lagi gelandangan, Pusat Transit Gelandangan ini bagaikan 'cahaya' untuk saya sendiri datang dan membantu sebagai sukarelawan agar lebih ramai boleh memperbaiki kehidupan masing-masing," ulasnya.

Berasal dari Melaka, **KHOO KAVITA A/P BABA @ KHOO AH KIAT**, 45, memberitahu bahawa beliau sendiri pernah 'berteduh' di PTG selama lebih empat bulan, kembali ditawarkan kerja sebagai pengawal keselamatan di Hospital Pulau Pinang sejak 2 Jun lepas.

"Apabila hilang pekerjaan, maka hilang pendapatan.

"Apabila tidak mampu lagi menyewa bilik, saya tidak ada banyak pilihan untuk meneruskan hidup melainkan 'berteduh' di sini," katanya sambil memberitahu bahawa kini beliau mampu kembali menyewa bilik di bandar raya George Town.

Sementara itu, Pengurus PTG, **NAZATULWANIS MOHD. KORISH**, 34, yang ditemui kemudian memberitahu bahawa terdapat beberapa faktor di sebalik kewujudan gelandangan lebih ketara dapat dilihat di bandar raya George Town berbanding dekat kampung-kampung tradisi sekitar negeri ini.



**KHOO Kavita A/P Baba @ Khoo Ah Kiat.**

Menurutnya, rumah bertanah di kampung membolehkan seseorang yang hilang mata pencarian mempunyai opsyen untuk menjalankan aktiviti bercucuk tanam bagi meneruskan

Anjung Singgah yang diuruskan oleh Yayasan Kebajikan Negara adalah usaha Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

"Dasar Kebangsaan Mengenai Gelandangan (DKG) 2020 yang diumumkan KPWKM menyediakan pendekatan bersepada dan menyeluruh bagi menangani isu gelandangan, di samping menggalakkan pendekatan pembangunan insan serta bukan hanya bantuan sementara," ulasnya lanjut.

Bagi beliau, usaha memadankan kerjaya kepada sekalian pelanggan PTG di sini adalah selari dengan komitmen JKM, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan NGO berkaitan yang gigih menyelaras program pekerjaan dan pemulihan sosial khusus untuk kelompok gelandangan selama ini.

Mengakhiri bicara wara, **LIM SIEW KHM** yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang memberitahu bahawa pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memang berhasrat untuk mewujudkan lebih banyak sistem sokongan lain bagi meningkatkan lagi kualiti hidup golongan terjejas seperti para pelanggan yang berteduh di PTG.

Senada dengan Rozita, Siew Khim berkata bahawa Kerajaan Negeri hari ini akan terus mempererat kerjasama dengan semua pemegang taruh bagi membantu para pelanggan PTG mendapatkan pekerjaan serta menikmati hidup yang lebih baik di negeri ini.

"Sesiapapun mungkin akan menemukan saat kehilangan kerja dan mungkin terpaksa jadi gelandangan untuk meneruskan hidup di bandar raya.

"Sehingga kini, lebih 500 pelanggan pernah berteduh di Pusat Transit Gelandangan selepas kita melaksanakan beberapa siri operasi penyelamatan gelandangan di sekitar bandar raya George Town.

"Pencapaian ini tidak mungkin dicapai jika inisiatif Pusat Transit Gelandangan tidak mendapat sokongan daripada agensi-agensi kerajaan, NGO serta pihak swasta dari sudut penyediaan makan tiap-tiap hari.

"Buat masa ini, ada sejumlah 35 syarikat menjadi rakan strategik kita untuk menawarkan peluang kerjaya kepada pelanggan di Pusat Transit Gelandangan.

"Kalau boleh, kita nak lebih banyak syarikat swasta dan kilang juga agensi berkaitan tampil memberi sokongan serta kerjasama dengan menawarkan peluang pekerjaan kepada para pelanggan di Pusat Transit Gelandangan," serunya.

# WCP 2030

## jamin bekalan air berterusan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **SIEW CHIA EN**

**GEORGE TOWN** – Perbadanan Bekalan Air Holdings Berhad (PBAHB) meluluskan dividen akhir satu peringkat sebanyak 2.25 sen sesaham kepada 7,157 pemegang saham bagi tahun 2025.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa tarikh kelayakan ditetapkan adalah pada 15 Julai 2025, dengan jumlah unjuran agihan sebanyak RM7.5 juta pada 1 Ogos 2025.

“Tahun 2025 menandakan tahun ke-24 berturut-turut PBAHB membayar dividen kepada para pemegang sahamnya,” katanya pada sidang media selepas menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan PBAHB ke-25 di sini 26 Jun lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Dr. Mohamad Abdul Hamid; Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato’ Ir. K. Pathmanathan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Dr. Mary Ann Harris.

Kon Yeow menyatakan bahawa PBAHB mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM144.167 juta pada 2024, iaitu merupakan yang tertinggi dalam sejarah 26 tahun syarikat itu yang mana sebahagian besarnya dijana hasil daripada semakan tarif air dilaksanakan mulai 1 Februari 2024.

“Ini merupakan pencapaian cemerlang, namun bukan bertujuan untuk mengisi tabung kewangan PBAHB atau mengkayakan syarikat semata-mata.

“Sebaliknya, PBAHB perlu melabur kira-kira RM2.099 bilion bagi menyiapkan enam projek infrastruktur bekalan air baharu di bawah Pelan Kontingen Air 2030 (WCP 2030) bagi



**KETUA MENTERI bersama-sama barisan Ahli Lembaga Pengarah PBAPP menunjukkan Buku Laporan Tahunan 2024 pada sesi sidang media usai Mesyuarat Agung Tahunan PBAHB ke-25 di sini baru-baru ini.**

menjamin bekalan air berterusan di negeri ini.

“Selain itu, perbelanjaan modal (capex) PBAPP yang diunjurkan bagi menaik taraf infrastruktur sedia ada adalah sebanyak RM86.8 juta pada tahun 2025.

“Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa semakan tarif adalah tidak mencukupi untuk membiayai projek-projek yang diperlukan bagi menyelesaikan isu bekalan air di negeri ini menjelang tahun 2030,” jelasnya.

Tambah Kon Yeow, PBAHB dan anak syarikat penuhnya, PBAPP mencatatkan beberapa rekod baharu yang membanggakan pada tahun 2024, termasuk rekod purata pengeluaran air terawat sebanyak 1,208 juta liter sehari (JLH) dan merupakan yang terbesar dalam sejarah bekalan air di negeri ini.

“Dengan kadar Air Tidak Terhasil (NRW) sebanyak 28 peratus pada tahun 2024, dan jumlah penggunaan air yang direkodkan berjumlah 870 JLH iaitu lebih rendah daripada kadar purata kebangsaan (34.6 peratus).

“Walau bagaimanapun, masih terdapat

ruang untuk penambahbaikan yang mana PBAPP telah diarahkan untuk terus berusaha bagi menurunkan kadar NRW bagi negeri Pulau Pinang,” ujarnya yang juga Pengurus Bukan Eksekutif PBAHB.

Dalam pada itu, Kon Yeow memberitahu bahawa PBAPP juga berjaya mencapai kapasiti reka bentuk maksimum 1,726 JLH pengeluaran air terawat dengan pembukaan rasmi Paket 12A Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua pada 2 September tahun lepas.

“Pencapaian ini telah membolehkan Pulau Pinang mencapai margin rizab rawatan air sebanyak 30 peratus pada tahun 2024 iaitu lebih tinggi daripada purata kebangsaan (15.3 peratus).

“Namun begitu, cabaran utama PBAPP adalah untuk membolehkan pengagihan air terawat yang lebih baik dari LRA Sungai Dua, terutamanya ke kawasan hujung paip agihan (HPA) dan kawasan tanah tinggi di Seberang Perai Selatan (SPS) dan Daerah Barat Daya (BDB),” ujarnya.

Ditanya mengenai Projek Air Perak-Pulau Pinang, Kon Yeow menjelaskan bahawa kira-kira 99.9 peratus aspek

teknikal pelaksanaan projek tersebut adalah melibatkan negeri Perak sebelum dijual kepada Pulau Pinang.

“Pada peringkat Pulau Pinang, kita akan terlibat dengan rundingan komersial yang mana projek ini akan menjadi sumber tambahan selain bekalan air mentah dari Sungai Muda.

“Namun, dengan pelaksanaan WCP 2030, kami juga melihat untuk memanfaatkan air mentah dari Empangan Mengkuang selain melaksanakan beberapa projek menerusi Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) di Sungai Perai.

“Kami juga melaksanakan projek LRA Sungai Kerian yang merupakan salah satu lagi sumber air mentah tambahan bagi menjamin bekalan air di negeri Pulau Pinang,” katanya.

Tambah Kon Yeow, Kerajaan Persekutuan juga sedang melaksanakan satu projek di Sungai Muda, termasuk pembinaan pintu baraj baharu dan rumah pam di Lahar Tiang untuk mengalihkan air ke Empangan Mengkuang semasa musim hujan.

“Inisiatif ini melibatkan kos kira-kira RM600 juta dan dijangka mampu menyalurkan kapasiti air tambahan sebanyak 400 JLH.

“WCP 2030 adalah penyelesaian sementara sebelum Projek Air Perak-Pulau Pinang dilaksanakan, yang mungkin mengambil masa empat hingga lima tahun untuk disiapkan,” katanya.

Sementara itu, Pathmanathan menyatakan bahawa kerja-kerja menaik taraf benteng Sungai Muda akan meningkatkan kapasiti air kepada 1,500 JLH.

“Penambahbaikan infrastruktur terusan pula akan membolehkan PBAPP mencapai pengeluaran air terawat 1,700 JLH, yang merupakan sebahagian daripada usaha untuk memaksimumkan pengambilan air mentah daripada sumber sedia ada,” katanya.

## Jemaah Pengurusan pikul amanah urus sekolah Islam

**JAWI** - Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) buat julung kalinya menyerahkan surat cara berwajib kepada 700 pengurus atau wakil setiausaha bagi menguruskan 340 sekolah Islam di negeri hari ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Dr. Mohamad Abdul Hamid yang juga Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat berkata bahawa mereka yang dilantik sebagai Jemaah Pengurusan Sekolah (JPS) dapat memainkan peranan hakiki sebagaimana ditetapkan oleh MAINPP dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

(JHEAIPP).

“Saya amat mengharapkan JPS memahami peranan masing-masing (demi) memastikan pengurusan dan pentadbiran sekolah berjalan lancar serta mencapai matlamat pendidikan dengan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh MAINPP atau JHEAIPP,” jelasnya yang juga Yang Dipertua MAINPP dalam majlis berkaitan di sini pada 26 Jun 2025.

Di samping itu, Mohamad yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung turut berharap mereka yang dilantik sebagai JPS harus bergerak aktif serta memainkan fungsi secara

efektif demi mengejar kecemerlangan pendidikan di sekolah Islam masing-masing.

Dalam perkembangan lain, beliau menyatakan bahawa prestasi Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di negeri ini akan terus dimartabatkan, antaranya melalui penyaluran peruntukan tambahan dalam bentuk elaun tambahan kepada 1,630 guru KAFA.

“(I)kut pecahan,) guru biasa menerima RM1,300 kepada RM1,500 (tambahan RM200), manakala Guru besar menerima RM1,350 kepada RM1,600 (tambahan RM250) yang mana keseluruhannya melibatkan kos tambahan sebanyak

RM4.2 juta,” ujarnya.

Selain itu, beliau menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM176,000 setahun untuk tujuan pemberian sumbangan kerana ‘masyaqrah’ terputus bayaran elaun semasa cuti bersalin, buat guru KAFA.

“Seramai 200 guru dan kakitangan di Sekolah Menengah Agama Rakyat, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan Sekolah Rendah Agama Rakyat telah memperoleh manfaat kenaikan elaun sebanyak RM500 seorang pada Januari 2025 dengan tambahan peruntukan berjumlah RM1.9 juta,” katanya lagi.

# Legasi Tun Abdullah

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

**BUKIT TAMBUN** - Secara rasmi Lebuhraya Bandar Cassia sepanjang 5.45 kilometer (km) dari Jalan Batu Kawan ke Lingkaran Cassia Selatan dinamakan semula sebagai Jalan Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya mahu segala legasi mantan Perdana Menteri ke-5 itu dalam membangunkan negara dan negeri ini, terus diingati generasi akan datang.

"Sebagai bandar baharu yang menjadi taman industri canggih (serta menempatkan) banyak syarikat Fortune 500 di sini, sebenarnya banyak sumbangan Pak Lah (Tun Abdullah) di Bandar Cassia.

"(Sehubungan itu,) kita sebagai Pihak Berkuasa Negeri percaya bahawa Pak Lah ialah seorang pemimpin yang melangkaui batasan tempat yang pernah diwakilinya iaitu Parlimen Kepala Batas, maka, Lebuhraya Bandar Cassia di sini dinamakan sempena nama beliau," jelasnya dalam sidang media usai Majlis Perasmian Penamaan Semula Lebuhraya Bandar Cassia Kepada Jalan Tun Abdullah Ahmad

Badawi di sini pada 24 Jun 2025.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow turut memberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri bersetuju dengan cadangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam, Dato' Seri Reezal Merican Naina Merican untuk membina sebuah galeri peringatan 'Pak Lah' di Vision Park dekat Kepala Batas yang mana sebidang tanah telah dikenal pasti dan kerja-kerja susulan diserahkan kepada Jabatan Arkib Negara Malaysia.

Bercakap pada sidang media sama, anak kepada mantan Perdana Menteri ke-5, Tan Sri Kamaluddin Abdullah menyatakan bahawa beliau sekeluarga terharu atas usaha menamakan semula Lebuhraya Bandar Cassia kepada nama Allahuhyarham ayahanda mereka.

Sebelum itu, Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan mencadangkan Jalan Batu Kawan Industrial Park 2 (BKIP2) yang menyambung Batu Kawan ke Nibong Tebal dinamakan juga sebagai Jalan Tun Abdullah Ahmad Badawi, selepas projek pembangunan infrastruktur siap kelak.

"Pada hari ini, visi beliau (Tun Abdullah) telah menjadi kenyataan

**LEBUHRAYA Bandar Cassia sepanjang 5.45 km dinamakan semula sebagai Jalan Tun Abdullah Ahmad Badawi.**



apabila Bandar Cassia muncul sebagai destinasi strategik dan tumpuan utama pelabur-pelabur luar, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri secara menyeluruh.

"Selain itu, rakyat Pulau Pinang selamanya akan berterima kasih kepada Tun Abdullah atas sumbangan beliau dalam projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) yang pertama; pembangunan *Penang Sentral*; pembinaan Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORG) dan penubuhan Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER)," ujarnya lagi.

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan

Digital merangkap Pengurus Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Pulau Pinang, Zairil Khir Johari; beberapa Exco Kerajaan Negeri lain; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Baderul Amin Abdul Hamid dan Pengurus Badan Perhubungan Umno Negeri Pulau Pinang, Datuk Musa Sheikh Fadzir turut serta majlis tersebut.

Terdahulu, pada 16 April 2025, Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya berhasrat mengabadikan nama Tun Abdullah supaya legasi mantan Perdana Menteri ke-5 Malaysia terus dikenang oleh generasi akan datang.

**RESIDENSI PUNCAK MERTAJAM**  
NB | BUKIT MERTAJAM  
**MERTAJAM HEIGHTS**

**PEGANGAN KEKAL**

**TERDAPAT UNIT DWIKUNCI**

**KOORDINAT GPS LOKASI PROJEK**  
N 5° 22' 5.1"  
E 100° 27' 36.4"

**DISKAIUN** 5 % **UNTUK PEMBELI BUMIPUTERA**

**LUAS BINAAN:** 1,000 - 1,498 KPS

**HARGA JUALAN** RM465,000 - RM699,000

# Gilap bakat pesilat muda pelengkap jati diri

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI  
Gambar : MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR

**SEBERANG JAYA** - Pada era globalisasi, silat bukan sekadar seni mempertahankan diri semata-mata, malah menjadi instrumen penting sebagai pelengkap jati diri, penghormatan, disiplin dan keberanian dalam kalangan anak muda.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata bahawa silat juga merupakan lambang ketinggian tamadun Melayu yang merangkumi aspek fizikal, mental, spiritual dan nilai moral.

"Setiap gerak tersirat falsafah yang disulami adat, adab dan perjuangan yang diwarisi turun-temurun. langkahnya, kehidupan dengan semangat

"Ia melatih disiplin, keberanian, hormat kepada guru dan lawan, serta bermaruah nilai-nilai yang terhakim," ujarnya pada Majlis Perasmian Penang Junior's Silat Championship National Open 2025 Mamu Aziz Cup 2.0 di sini 27 Jun lalu.

Kejohanan tersebut berjaya menghimpunkan 956 persilat muda dari



MOHAMAD Abdul Hamid merakam gambar kenangan bersama-sama barisan jemputan, pengajur dan para peserta Penang Junior's Silat Championship National Open 2025 Mamu Aziz Cup 2.0 di sini baru-baru ini.



## Penang Junior's Silat Championship National Open 2025 Mamu Aziz Cup 2.0

seluruh negara dan pasukan Indonesia.

Hadir sama, Ahli Dewan Negera, Senator Amir Ghazali; Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua; pemilik restoran Route 69 selaku penaja, Abdul Aziz Shaikh Ahmad dan

dif-dif jemputan lain.

Lebih membanggakan, Mohamad yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung memberitahu bahawa pada tahun 2019, silat telah diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai Warisan Kebudayaan Tidak Ketara (*Intangible Cultural Heritage of Humanity*).

Tambah beliau, pengiktirafan tersebut bukan sahaja dapat memartabatkan lagi seni warisan negara, malah juga mengangkat silat ke pentas antarabangsa sebagai khazanah dunia yang mesti dipelihara dan dikembangkan oleh generasi kini dan akan datang.

"Maka, pengajuran kejohanan ini bukanlah satu acara biasa kerana ia mempunyai objektif dan matlamat yang jelas iaitu mencungkil dan menggilap bakat pesilat muda dari seluruh Malaysia dan luar negara, memperkuat struktur pembangunan silat pada peringkat akar umbi, memupuk semangat kesukanan, jati diri serta perpaduan melalui seni bila diri warisan bangsa.

"Kejohanan ini juga menjadi platform membina jaringan kerjasama antara kelab, jurulatih dan agensi berkaitan, di samping memberi pendedahan awal kepada pesilat muda mengenai suasana pertandingan kebangsaan sebagai persiapan ke tahap lebih tinggi," ulasnya lanjut.

## Usaha pemuliharaan penyu terus diperkasa

**PULAU BETONG** - Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang kini sedang mempergiat usaha pemuliharaan penyu dan spesies marin terancam melalui pelbagai inisiatif termasuk penglibatan masyarakat setempat dan peningkatan kesedaran awam.

Pengaruhnya, Zarina Zainuddin berkata bahawa program seumpama itu adalah penting untuk memastikan

kelangsungan spesies penyu, selain memupuk kesedaran komuniti terhadap isu ekosistem marin.

"Pusat Konservasi Penyu di Pantai Keracut berperanan memulihara penyu yang menjadikan kawasan tersebut lokasi pendaratan utama mereka setiap tahun.

"Sebanyak 201 pendaratan penyu direkodkan di kawasan itu, dengan lebih 17,000 biji telur berjaya ditetas dan dilepaskan ke laut pada tahun 2021 sehingga 2024.

"Penyu yang dilepaskan akan berenang ke lautan luas sebelum kembali untuk bertelur, sekali gus menunjukkan pentingnya kawasan konservasi seperti Pantai Keracut," katanya ketika merasmikan Program Kesedaran Penyu "Permata Pulau Pinang" dan Kedampanan Spesies Terancam di sini 24 Jun lalu.

Menurut Zarina, pencemaran plastik dan bahan buangan lain terus menjadi ancaman besar kepada spesies marin, yang memerlukan kerjasama pelbagai pihak untuk diatasi.

"Justeru, saya berharap program kesedaran seperti ini dapat

menggalakkan masyarakat untuk mengurangkan pencemaran serta menyokong usaha pemuliharaan penyu dan spesies marin lain," katanya yang telah berkecimpung selama lebih dua dekad dalam bidang berkaitan.

Zarina dalam pada itu, turut menegaskan bahawa usaha pemuliharaan penyu tidak hanya bergantung kepada pihak jabatan semata-mata tetapi memerlukan sokongan semua pihak.

"Pusat konservasi ini telah memulakan program penjagaan telur penyu sejak tahun 1990-an, dan hasilnya kadar hidup anak penyu meningkat secara konsisten sepanjang tahun.

"Aktiviti pemuliharaan juga melibatkan kolaborasi dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti tempatan untuk memperkuat pelaksanaan langkah-langkah pemuliharaan.

"Program pendidikan dan promosi melalui bengkel serta acara komuniti terus dipergiat untuk mendidik orang ramai tentang kepentingan biodiversiti marin," jelasnya.

Pada kesempatan sama, Zarina turut melaporkan bahawa sebanyak

ANTARA spesies penyu yang mendarat di pantai Pulau Pinang untuk bertelur.




13 kes kedampanan spesies terancam telah direkodkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, melibatkan tujuh kes ikan lumba-lumba, penyu (5) dan dugong (1).

Bagi yang berminat untuk menyokong usaha pemuliharaan ini, orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut melalui laman web atau media sosial rasmi Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang, <https://www.dof.gov.my/>.



ZARINA Zainuddin.



AMERRUDIN  
Ahmad.

# 'Tak Terucap'

## dedah pelbagai perasaan & emosi

Teks & Gambar :  
**ZAINULFAQAR YAACOB**

**P**AMERAN Tahunan Persatuan Kesenian Balik Pulau 2025 yang berlangsung di Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang (BSLNPP) dekat Dewan Sri Pinang pada 21 Jun hingga 3 Julai lepas, membawa tema 'Tak Terucap'.

Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang bersama-sama Persatuan Kesenian Balik Pulau sendiri menganjurkan pameran seni lukis tersebut, dengan sokongan Pejabat Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif (PETACE) dan Jabatan Muzium Negara Negeri Pulau Pinang.

Pameran pada kali ini berjaya menghimpunkan 59 karya seni lukis yang dihasilkan oleh 58 pelukis.

Mereka, Abdullah Sulaiman, Adelynn Chan, Aibee Lim, Alice Chee CL, Anthony Cheah, Apple Yong Seow Ping, Cane Low, Carina Lok Peipei, Chester Khor, Chin Kok Kong, Choo Kok Choon, Eda Tan Sew Lan, Fazz Ramli, Geraldine Khoo, Goh Chin Peng, Gooi Chye Soon, Goon Yong Por,

Grace Loh Soo Fern, Ivy Song, Janice Oo, Jason Min, Jean-Francois Jadin, Jeff Khor, Jennifer Loo Moh See, Jothan Ooi, Kee Hsiu Cheah, Kek Hoon Pin, Khaw Yan Rou, Koay Haw Wah, Koay Muar Aik, Koay Shao Peng, Koay Sheng Tat, Koh Teng Huat, Leong Weng, Lim Chooi Hoon, Lim Kok Wei, Lisar Lim, Lo Tze Min, Loo Hooi Ghee, Loo Hooi Nam, Loo Ley See, Love Lee Lily, Mak Yik Mei, Ng Chin Yee, Ong Guik Joo, Ooi Chai Hoon, Ooi Chie Ern, Ooi Kok Chuan, Ooi Seng Chai, Richard Leow, Shafizi Ghani, Tan Kim Eng, Teoh Mooi Huang, Teoh Mooi Tiong, Teoh Siew Khim, Tim Teh Ming Yang, William Mak dan Yew Soo Cheng.

Presiden Persatuan Kesenian Balik Pulau, Dr. Goon Yong Por dalam ucapannya antara lain merakamkan penghargaan kepada Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, Amerrudin Ahmad kerana meluangkan masa menyempurna majlis perasmian pembukaan pameran tersebut.



**ACARA apresiasi dan penyampaian sijil penyertaan kepada salah seorang pelukis yang menyertai Pameran Tahunan Persatuan Kesenian Balik Pulau 2025.**

"Ini benar-benar satu penghormatan dan dorongan kepada para ahli *Balik Pulau Art Society* atau Persatuan Kesenian Balik Pulau, serta mungkin menjadi peluang untuk hasil karya mereka diiktiraf pada peringkat kebangsaan," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, Haryany Mohamad yang banyak membantu di sebalik penganjuran pameran tahunan tersebut.

kepada Pengurus Jawatankuasa Galeri Seni Negeri Pulau Pinang, Lee Khai kerana mengetuai jawatankuasa penjurian untuk menilai dan memilih pemenang bagi Anugerah Cemerlang & Karya Seni Terbaik Tahun 2025, dengan dibantu Peter Ching (ahli jawatankuasa Galeri Seni Negeri Pulau Pinang) dan Dr. Tetriana Ahmed Fauzi (pensyarah di Sekolah Seni Halus dan Pengarah Galeri Seni, Universiti Sains Malaysia, USM).

Lee Khai pula dalam ucapannya menyifatkan pameran pada kali ini tetap mendedahkan pelbagai perasaan dan emosi sungguhpun membawa tema 'Tak Terucap'. Sementara itu, Amerrudin

menyatakan bahawa sejurnya beliau sendiri berasa seakan tak terucap bagi merasmikan pameran tersebut apabila melihat hasil karya seni lukis yang dipamerkan di sini.

"Sesungguhnya, peranan yang dimainkan oleh Persatuan Kesenian Balik Pulau amat dihargai (yang mana) berjaya menghimpunkan pelukis dan karya-karya untuk diapresiasi oleh masyarakat.

"Serentak dengan penganjuran seni dengan tema 'Tak Terucap' ini, saya berharap dapat dianjurkan suatu wacana yang melibatkan pelbagai golongan masyarakat supaya ia (pameran ini) dapat mengembangkan idea-idea dan memupuk minat pada bidang kesenian," serunya.



AMERRUDIN Ahmad (dua dari kiri) seusai menyempurna acara gimik perasmian pembukaan Pameran Tahunan Persatuan Kesenian Balik Pulau 2025 di BSLNPP. Turut serta, Lee Khai (kiri sekali), Goon Yong Por (dua dari kanan) dan Haryany Mohamad (kanan sekali).



**PENGUNJUNG** tidak melepaskan peluang mengamati karya seni yang dipamerkan pada pameran berkaitan di sini.

# Hayati tema 'Membangun Ummah Madani'

**BAYAN LEPAS** - Semua institusi masjid dan surau, pusat pengajian Islam serta keluarga diseru untuk terus memainkan peranan masing-masing dalam pembinaan jati diri umat di negeri Pulau Pinang.

Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ramli Ngah Talib menyampaikan amanat serta seruan itu semasa berucap pada Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang 1447H/2025M di sini pada 27 Jun 2025.

"Hijrah bukan semata-mata perpindahan fizikal, tetapi juga perubahan pemikiran, penilaian dan tindakan yang mana ia mengajak kita membina kehidupan lebih baik, masyarakat lebih penyayang dan negara lebih makmur."

"Nilai-nilai toleransi, hormat-menghormati, perpaduan dan kasih sayang perlu terus disemai agar negeri ini kekal sebagai contoh harmoni antara agama, kaum dan budaya," jelasnya sambil menyeru umat Islam menghayati tema sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan iaitu 'Membangun Ummah Madani' pada majlis berkaitan.

Berucap sebelum itu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid yang juga Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat menganggap kehadiran Tun Ramli bersama-sama isteri, Yang Mulia Toh Puan Raja Noora Ashikin Raja Abdullah menambah lagi seri majlis sambutan acara tersebut.

Beliau yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) turut melafazkan ikrar serta iltizam untuk terus memartabat umat Islam melalui institusi-institusi Islam negeri berkaitan.

"Kerajaan Negeri sangat komited untuk terus memperkasa pembangunan agama Islam yang mana



**ABDUL Halim Abdul Aziz (depan, dua dari kanan)** menerima cek cura daripada Ramli Ngah Talib (depan, dua dari kiri) setelah dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Negeri Pulau Pinang 2025 di sini baru-baru ini.

dalam konteks Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Agenda Pembangunan Agama Islam Pulau Pinang 2030 (APAI 2030) dan menjadi gagasan utama bagi memacu usaha memartabatkan syiar Islam di negeri ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Dalam perkembangan berkaitan, **DATO' DR. ABDUL HALIM ABDUL AZIZ**, 67, dinobat sebagai Tokoh Maal Hijrah Pulau Pinang 2025 atas kepakarannya dalam ilmu falak dan astronomi serta sumbangan terhadap pendidikan sepanjang hayat.

Beliau yang pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Pusat Pengajian Fizik Universiti Sains Malaysia (USM) sebelum bersara pada 2018, bertanggungjawab

menetapkan takwim waktu solat Pulau Pinang dengan memperkenalkan kaedah pelbagai titik koordinat sejak lebih 10 tahun lalu.

Panel Pakar Falak Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) yang juga Jawatankuasa Falak Negeri Pulau Pinang serta Jawatankuasa Rukyah Hilal Pulau Pinang itu ketika ditemui kemudian antara lain memberitahu bahawa kaedah tersebut lebih tepat dan mewakili waktu solat seluruh zon negeri.

"Pendekatan ini mengambil kira pelbagai titik koordinat dalam satu zon dengan waktu paling lewat diambil sebagai rujukan dan Pulau Pinang menjadi negeri pertama menggunakan pakai kaedah ini, saya turut perkenalkannya kepada beberapa negeri lain seperti Perak dan Negeri Sembilan," kata beliau yang turut melafazkan kesyukuran atas penganugerahan yang diterima pada majlis berkaitan di sini.

Difahamkan, selepas bersara, beliau menuju Pusat Literasi, Sains, Agama dan Falsafah (LISAFA) bertujuan mengumpulkan pesara serta masyarakat yang mendalamai ilmu agama secara holistik demi manfaat masyarakat sejagat yang beroperasi sejak 2020.

Bercerita lanjut, beliau memberitahu bahawa ketika ini LISAFA telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Universiti Islam Negeri (UIN) Sunan Kalijaga, Indonesia untuk menawarkan pengajian formal dalam bidang Islam pada peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD).

"Dalam hal ini, mereka yang datang daripada pelbagai latar belakang berpeluang mengintegrasikan ilmu asal yang mereka miliki dengan bidang falsafah dan agama, sekali gus membentuk kefahaman yang lebih luas serta pelbagai," ulasnya lanjut.

**258 UNIT RUMAH PANGSAPURI 30 TINGKAT**  
**RM 300,000.00 (MINIMA)**  
**RM 598,000.00 (MAKSIMA)**  
**Baki unit belum dijual – 188 unit**



<b>SPESIFIKASI</b>	
a)	Struktur : Konkrit Tetulang
b)	Dinding : Batu-batu simen
c)	Tingkap : aluminium berbentuk kaca
d)	Pintu : Pintu Utama : pintu Kayu Berhias Pintu Bilik Mandi/Tandas : pintu PVC berlapis
e)	Lantai : Jubin seramik berkualiti
f)	Kemasan Dinding Dinding : Tandas : Jubin berkualiti setinggi 5 kaki Bilik Dapur : jubin seramik setinggi 5 kaki
g)	Siling : 'Skim Coat', salutan layapan
h)	Bumbung : Kepingan bumbung logam
i)	Kunci : Set kunci berkualiti
k)	Pemasangan : Peralatan Sanitari Berkualiti

**TwinStar**  
*At Lintang Slim*

<b>Pemaju</b>	: Acara Prestasi Sdn Bhd
<b>Pejabat Jualan</b>	: 301-3A-1, The H2O, Jalan Jelutong, 11600 Pulau Pinang. Tel: 604 – 609 3255 Fax : 604 – 609 3256
<b>No. Lesen Pemaju</b>	: 13106/07-2032/0222(R)
<b>Tempoh sah lesen</b>	: 23/7/2025 sehingga 22/7/2032
<b>No. Permit iklan</b>	: 13106-2/05-2027/0474 (N)-(S)
<b>Tempoh sah Permit</b>	: Dari 30/5/2024 sehingga 29/05/2027
<b>Pegangan</b>	: Bebas
<b>Bebanan</b>	: Digadai Kepada CIMB Islamic Bank Berhad
<b>Tarikh Pemajuan dijangka siap</b>	: Disember 2027
<b>Pihak Berkusa meluluskan</b>	: Majlis Bandaraya Pulau Pinang
<b>No. Kelulusan pihak Berkusa</b>	: Sijil Kebenaran Merancang No. JPB/KM/6560/A
<b>No. Kelulusan Pelan Bangunan</b>	: MBPP/ILCS-OSC/PB(2105)/23

Lampu	11
Punca Kipas Siling	5
Punca Kuasa Elektrik	13
Punca Pemanas Air	1
Punca TV	1
Punca Telefon	1

Besen Dapur	1
WC	2
Besen Cuci Tangan	2
Bekas isi sabun	2
Bekas isi tisu tandas	2
Set pancaran air untuk mandi	2

# VR @Masjid Kapitan Keling

## tarikan baharu pelancongan

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB  
 Gambar : NOOR SITI NABILAH  
**NOORAZIS**

**GEORGE TOWN** – Masjid Kapitan Keling yang berusia 224 tahun serta dianggap salah satu mercu tanda kewujudan komuniti Muslim di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, melakar satu lagi sejarah tersendiri apabila memperkenalkan kemudahan realiti maya (VR) untuk tujuan menggamt kehadiran pengunjung tempatan dan pengembara antarabangsa ke Bangunan Warisan Kelas 1 tersebut.

Demikian respons Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi seusai menyempurna acara perasmian kemudahan VR @Masjid Kapitan Keling di sini pada 6 Julai 2025.

“Sebenarnya, MOTAC (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya) pun telah menggalakkan penggunaan VR (yang mana) sebelum ini pun kita pernah lancar (kemudahan seumpama ini) di Armenian Park.

“Bagi saya, kemudahan VR di pusat perkembangan dakwah dan pelancongan terkenal (iaitu) Masjid Kapitan Keling ini sesuatu yang sudah maju (yang mana) dalam 10 minit ia akan memberi pengalaman mendalam kepada pelancong mengenai asal usul kawasan di sini.

“Kandungan menarik VR ini kalau mengenai George Town, ia akan menarik lagi minat pelancong untuk berkunjung ke sini,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parliment Batu Kawan.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri menerusi agensinya, *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI) dan




Penang Global Tourism (PGT) akan terus bekerjasama dengan agensi Persekutuan seperti Jabatan Warisan Negara (JWN) untuk kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan Bangunan Warisan Kelas 1 termasuk Masjid Kapitan Keling dari semasa ke semasa.

Ini kerana, menurut beliau, semua Bangunan Warisan Kelas 1 di sepanjang ‘Jalan Harmoni’ dekat Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town adalah mencerminkan kewujudan kepelbagai budaya dan masyarakat setempat ditonjolkan kepada



pelancong sejagat.

Pengerusi Masjid Kapitan Kling, Datuk Farul Raja Mohamed dan Datuk Kamarudin Abdullah (Ketua Biro Dakwah Masjid Kapitan Kling merangkap Pengasas Islamic Propagation Society International Malaysia, IPSI) turut mengiringi Kon Yeow melihat struktur fizikal fasad masjid ikonik tersebut.





AW Yuet Ting.

**P**ERENANG muda berbakat, AW YUET TING, 14, mencipta sejarah peribadi apabila menjadi perenang kedua dari Pulau Pinang terpilih mewakili Malaysia ke Kejohanan Renang Remaja Dunia 2025 yang akan berlangsung di Romania dari 19 hingga 24 Ogos ini.

Pelajar Tingkatan 2 dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Heng Ee, Bayan Lepas itu bersyukur atas pemilihan tersebut, namun pada masa sama beliau turut berasa gementar apabila bakal beraksi di pentas paling berprestij dalam kariernya setakat ini.

"Saya amat teruja dan masih tidak percaya bahawa saya akan mewakili negara ke kejohanan sebesar ini, tetapi saya yakin inilah peluang untuk saya memberikan persembahan yang terbaik kepada negara."

"Saya menetapkan sasaran untuk memecahkan rekod peribadi saya sebelum ini (2 minit 40 saat) dalam acara 200 meter (m) semasa beraksi di Romania nanti."

"Sasaran ini bukan mudah, tetapi saya sentiasa berusaha untuk meletakkan diri saya di tahap paling tinggi."

"Paling penting adalah saya ingin melihat perbezaan prestasi antara saya dan atlet terbaik dari seluruh dunia dan menimba pengalaman berharga semasa di sana nanti," katanya kepada penulis Buletin Mutiara, SUNARTI YUSOFF ketika wawancara khas pada 11 Jun lalu.

#### Dari SUKMA ke pentas dunia

Perjalanan Yuet Ting ke peringkat antarabangsa bukan berlaku sekilip mata, melainkan menuntut pengorbanan, usaha berterusan dan kesabaran yang begitu tinggi.

Di bawah bimbingan jurulatih berpengalaman,

# Hasrat cipta rekod peribadi di Romania



AW Yuet Ting (kiri sekali) bersama-sama pasukannya selepas memenangi pingat gangsa acara renang 4X100m berganti-ganti pada kejohanan SUKMA XXI 2024 lalu.

**ALBERT YEAP**, Yuet Ting mula menunjukkan potensi luar biasa apabila berjaya memenangi pingat gangsa dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) edisi Sarawak pada usia 13 tahun.

Kejayaan tersebut diteruskan lagi apabila beliau berjaya merangkul satu pingat emas, lima perak dan empat gangsa dalam kejohanan *Malaysia Open Invitational Age Group 2025*, sekali gus mengukuhkan namanya sebagai antara perenang muda paling menyerlah pada peringkat kebangsaan.

Pada tahun sebelumnya, Yuet Ting mencuri tumpuan di *SEA Age Group Championships* di Bangkok, Thailand apabila muncul juara dalam acara 100m kuak dada.

Kejayaan tersebut telah melayakkan beliau menerima anugerah Perenang Cemerlang Bawah 13 Tahun, iaitu pencapaian yang mengiktiraf kebolehan teknikal dan semangat juangnya di kolam renang.

#### Dedikasi, disiplin dan sokongan keluarga

Walaupun sibuk dengan latihan harian yang intensif, Yuet Ting memberitahu bahawa beliau tidak pernah sesekali

mengabaikan pelajaran.

Pada masa sama, beliau mengakui bahawa mengimbangi antara akademik dan latihan sukan adalah sangat mencabar, namun beliau tetap komited meneruskan kecemerlangan sebagai seorang atlet renang.

"Saya berlatih hampir setiap hari, dan hanya berehat sehari dalam seminggu."

"Bagi memastikan saya tidak ketinggalan dalam pelajaran, saya hanya menjalani latihan selepas tamat waktu persekolahan setiap hari tetapi terpaksa berdepan kesuntukan masa untuk mengulang kaji pelajaran dan menyiapkan latihan di rumah."

"Jadual latihan yang padat memang memenatkan, tetapi saya percaya usaha keras ini akan membawa hasil yang terbaik," ujarnya dengan nada tenang.

Selain perlu mengimbangi antara sukan dan akademik, Yuet Ting menyatakan bahawa kecederaan juga merupakan cabaran terbesar bagi seseorang atlet.

"Sebab itulah saya perlu berjumpa dengan pakar pemakanan dan fisioterapi secara lebih kerap dan melakukan penyesuaian diri di rumah mengikut arahan yang

mereka berikan.

"Proses latihan sangat sukar, tetapi dengan galakan ibu bapa dan jurulatih, saya tetap bertahan," jelasnya.

Mengimbau kembali perjalannya sebagai atlet renang pada usia enam tahun, Yuet Ting memberitahu bahawa minat itu timbul semasa beliau melihat beberapa kanak-kanak sudah boleh mengapungkan badan di dalam kolam renang.

Sejak itu, Yuet Ting mula mempunyai keinginan untuk belajar berenang dan meminta ibu bapanya membenarkan beliau serta abangnya belajar berenang bersama-sama.

"Bapa saya kemudiannya mendaftarkan nama saya untuk menyertai kelab renang dan bertemu dengan jurulatih berbangsa Cina secara kebetulan."

"Saya berjaya menguasai teknik mengapungkan diri di dalam air dengan cepat, dan tidak lama kemudian saya mula mengambil bahagian dalam pertandingan."

"Sejurusnya, saya tidak begitu ingat kerana hanya berusia enam tahun pada masa itu tetapi semua ini diceritakan sendiri oleh ayah saya."

"Apa yang saya ingat adalah saya berasa sangat

gementar sehingga menggilir ketika mula-mula menyertai pertandingan renang," ulasnya sambil ketawa.

#### Perancangan masa depan

Ditanya mengenai perancangan masa hadapan, Yuet Ting berharap agar beliau diberikan peluang menjalani latihan di Pulau Pinang sehingga tamat sekolah menengah sebelum mengatur rancangan jangka masa panjang.

"Saya berharap dapat berdiri di pentas Sukan Olimpik dan Kejohanan Dunia suatu hari nanti, sekali gus dapat membanggakan negeri Pulau Pinang dan negara," katanya.

Justeru, beliau menzhirikan penghargaan tidak terhingga kepada kedua-dua ibu bapanya, **AW KHEIM CHUAN**, 48, dan **MAH CHOOI HUI**, 46, yang sentiasa memberikan sokongan tanpa rasa jemu sejak beliau mula berkecimpung dalam arena sukan renang pada usia muda.



AW Kheim Chuan.

"Saya juga berterima kasih kepada kedua-dua mentor saya iaitu jurulatih Tian dan jurulatih Albert kerana telah membawa seorang kanak-kanak daripada mula belajar mengapungkan badan kepada seorang atlet yang boleh berdiri di atas podium kini."

"Dedikasi mereka juga telah membawa saya ke pentas antarabangsa dan mencapai kejayaan yang lebih tinggi dengan membawa saya bertanding diuar negara," katanya menutup bicara.

ADUN	No Tel/ No Faks	ADUN	No Tel/ No Faks	ADUN	No Tel/ No Faks
<b>N.26 PADANG KOTA</b> YAB Chow Kon Yeow <a href="mailto:chowkonyeow@penang.gov.my">chowkonyeow@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218	<b>N.09 BAGAN DALAM</b> YB Kumaran Krishnan @ Calvin <a href="mailto:bagandalamn09@gmail.com">bagandalamn09@gmail.com</a>	(T) 04 - 313 1002 (F)	<b>N.01 PENAGA</b> YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
